

**Pertumbuhan KDNK Dijangka Hampir 5.0 Peratus, Kata Najib Bernama
18 Ogos, 2011**

PUTRAJAYA, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan tetap mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini ialah antara 5.0 dan 6.0 peratus.

"Bagaimana pun, kita merasakan ia lebih menghampiri 5.0 peratus daripada 6.0 peratus mengikut keadaan hari ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di sini Khamis.

Beliau, yang juga Menteri Kewangan, berkata unjuran itu dibuat mengikut keadaan hari ini berikutan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan sangat turun naik.

"Amat sukar bagi kita untuk membuat andaian berdasarkan kepada satu angka. Kita buat keputusan satu jajaran, iaitu antara 5.0 dan 6.0 peratus. Jadi, kita masih kekalkan sasaran ini," katanya.

Semalam, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan KDNK bagi separuh pertama tahun ini berkembang pada kadar sederhana sebanyak 4.4 peratus.

Bagi suku kedua pula, ia mencatat pertumbuhan 4.0 peratus berbanding 4.9 peratus bagi suku pertama 2011.

Mengenai inflasi, Najib berkata ia masih lagi terurus dan angka terbaharu menunjukkan terdapat sedikit penurunan.

Katanya langkah-langkah yang sedang diambil seperti mengurangkan harga ayam telah memberi kesan mengawal kadar inflasi negara.

Beliau berkata kerajaan berhasrat untuk mencapai kadar inflasi yang rendah di samping pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

Ketika ditanya mengenai sasaran defisit, katanya komitmen kerajaan untuk mengurangkan defisit daripada 5.6 peratus kepada 5.4 peratus berada pada landasan.

Mengenai sama ada Kementerian Kewangan memberikan sebarang kelulusan bagi Ananda Krishnan untuk menjual anak syarikat perjudiannya, Pan Malaysian Pools Sdn Bhd, Najib berkata: "Ia merupakan pasaran bebas, ianya berkaitan syarikatnya, jadi dia yang membuat keputusan."

Menurut laporan, satu konsortium yang dibentuk oleh ahli perniagaan Cina Malaysia, yang termasuk Pengerusi Genting Bhd Tan Sri Lim Kok Thay, Pengerusi Hong Leong Financial Group Bhd Tan Sri Quek Leng Chan, Pengerusi Lion Corp Tan Sri William Cheng dan ahli perniagaan Tan Sri Chua Ma Yu kemungkinan besar membeli Pan Malaysian Pools, yang memiliki pengendali syarikat ramalan ketiga terbesar negara dari syarikat Ananda, Tanjong Plc.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608949>